

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(VII)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB. KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

26. Pemasangan *Closed Circuit Television* (CCTV) di kawasan pulau, Pulau Pinang.
- (a) Berapakah jumlah CCTV yang telah dan akan dipasang di bahagian pulau?
 - (b) Nyatakan jumlah dan perincian lokasi pemasangan CCTV yang terdapat di KADUN Batu Uban.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

26. (a) Setakat ini, sebanyak 935 unit kamera *Closed Circuit Television* (CCTV) telah dipasang di seluruh bahagian pulau, Pulau Pinang oleh pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP). MBPP juga bercadang untuk memasang sebanyak 65 unit kamera CCTV lagi, namun setakat ini lokasi pemasangan belum dimuktamadkan. Kesemua kamera CCTV tersebut telah beroperasi dan boleh dipantau melalui bilik kawalan CCTV milik MBPP di KOMTAR dan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM).
- (b) Sebanyak 34 unit kamera CCTV telah dipasang di KADUN Batu Uban. Maklumat perincian lokasi kamera CCTV di kawasan Batu Uban adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A**BILANGAN *CLOSED CIRCUIT TELEVISION* (CCTV) MENGIKUT LOKASI DI
KADUN BATU UBAN.**

BIL.	LOKASI PEMASANGAN CCTV	BIL. UNIT CCTV
1	Pintu Masuk Terminal Bas Ekspres Sungai Nibong	2
2	Pintu Keluar Terminal Bas Ekspres Sungai Nibong	3
3	Simpang Jalan Bukit Gambir / Jalan Rumbia	2
4	Simpang Jalan Rumbia / Lorong Relau 2	2
5	Simpang Jalan Tun Dr Awang / Jalan Kampung Relau	3
6	Simpang Lebuah Bukit Jambul / Persiaran Bukit Jambul	4
7	Simpang Jalan Sungai Dua/ Lorong Sungai Dua (Berdekatan USM)	3
8	Simpang Jalan Bukit Gambir / Jalan Rumbia	1
9	Jalan Sultan Azlan Shah Hadapan S.J.K. (C) Kwang Hwa	3
10	Jalan Bukit Gambir Depan Pintu Masuk USM	3
11	Simpang Jalan Sultan Azlan Shah/ Jalan Sungai Dua	4
12	Simpang Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu / Jalan Batu Uban	3
13	Jalan Rumbia berhadapan Kompleks Bukit Jambul	1
	JUMLAH KESELURUHAN	34